

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. DATO' MADINAH MOHAMAD  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**EKSPO MALAYSIA SCIENCE, TECHNOLOGY & INNOVATION  
(MySTI) 2011**

**PADA  
JUMAAT, 29 JULAI 2011  
DI  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE**

---

**YANG BERHORMAT DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH  
TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI II**

**YANG BERBAHAGIA DATO' WEI CHUAN BENG  
PENGERUSI PIKOM**

**YANG BERBAHAGIA DATUK ABDUL WAHAB ABDULLAH,  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MIMOS**

**YANG BERUSAHA ENCIK SHAFULBAHRIM SALEH  
PRESIDEN PIKOM**

**KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN**

**RAKAN-RAKAN MEDIA**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

**ASSALAMU'ALAIKUM W.B.T, SALAM SEJAHTERA, SALAM  
1MALAYSIA.**

- 1. TERLEBIH DAHULU, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIANYA KITA DAPAT SAMA-SAMA HADIR PADA PAGI INI BAGI MENJAYAKAN MAJLIS PELANCARAN EKSPO SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA TAHUN 2011 ATAU SECARA RINGKASNYA DIKENALI SEBAGAI MYSTI 2011.**
- 2. BAGI PIHAK JAWATANKUASA PENGANJUR YANG TERDIRI DARIPADA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI), MIMOS DAN PIKOM, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG DAN TERIMA KASIH KEPADA HADIRIN SEKALIAN TERUTAMANYA Y.B. DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH, TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI II YANG TELAH SUDI HADIR DI SEBALIK KESIBUKAN DAN TUNTUTAN KOMITMEN BELIAU BAGI MERASMIKAN PROGRAM YANG SANGAT BERMAKNA INI.**
- 3. PROGRAM INI ADALAH SANGAT SIGNIFIKAN DAN SELARAS DENGAN USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBAWA DAN MENDEKATKAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI KEPADA RAKYAT. IANYA JUGA ADALAH BERTEPATAN DENGAN MENINGKATNYA KEPENTINGAN PENGGUNAAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI DI DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN KITA PADA MASA INI.**

**HADIRIN SEKALIAN,**

**4. KEJAYAAN MEREALISASIKAN PENGANJURAN MYSTI 2011 ADALAH DI ATAS KERJASAMA PINTAR DI ANTARA AGENSI-AGENSI MOSTI, KHUSUSNYA MIMOS YANG TELAH BERKOLABORASI DENGAN PIKOM BAGI MEMASTIKAN MYSTI 2011 DAPAT DILAKSANAKAN SEPERTI YANG TELAH DIRANCANG DAN BERJAYA MENCAPAI OBJEKTIF PENGANJURANNYA.**

**5. KERJASAMA SEUMPAMAINI SELAIN DARIPADA DAPAT MENGERATKAN LAGI JALINAN KERJASAMA SESAMA AGENSI, IANYA JUGA PASTINYA DAPAT MENINGKATKAN KUALITI SERTA IMPAK DAN *OUTCOME* SESUATU PENGANJURAN PROGRAM.**

**HADIRIN SEKALIAN,**

**6. SALAH SATU DIMENSI ATAU SENARIO YANG PALING CEPAT BERKEMBANG DI DALAM KONTEKS KEHIDUPAN SEMASA PADA HARI INI ADALAH PENINGKATAN KESEDARAN ORANG RAMAI TERHADAP PERKEMBANGAN PERSEKITARAN MEREKA.INI DIPENGARUHI DARIPADA PENINGKATAN KUALITI HIDUP YANG TERHASIL DARIPADA MENINGKATNYA TARAF PENDIDIKAN MASYARAKAT.**

**7. PERSEKITARAN YANG BARUINI JUGA MENUNTUT LEBIH BANYAK MAKLUMAT YANG TEPAT PERLU DISALURKAN KEPADA MASYARAKAT DAN MOSTI JUGA PERLU TURUT SERTA DALAM ARUS PERKEMBANGANINI. ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB MOSTI UNTUK MENYEDIAKAN PLATFORM**

YANG BERSESUAIAN DALAM MEMASTIKAN MASYARAKAT DISALURKAN MAKLUMAT SERTA ILMU YANG BERKAITAN DENGAN KEPENTINGAN SERTA PERKEMBANGAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGARA.

8. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PELBAGAI PROGRAM TELAH DAN AKAN DILAKSANAKAN OLEH MOSTI BAGI TUJUANINI. SEBAGAI CONTOH, PADA TAHUN 2010, MOSTI BERSAMA RAKAN-RAKAN STRATEGIK YANG TERDIRI DARIPADA BEBERAPA KEMENTERIAN TELAH MELANCARKAN PROGRAM MALAYSIA INOVATIF.

9. PROGRAM YANG BERTUJUAN MENINGKATKAN INOVASI DI KALANGAN MASYARAKATINI TELAH DIANJURKAN DI BEBERAPA BUAH LOKASI UTAMA SELURUH NEGARA DAN TELAH MENERIMA SAMBUTAN DAN RESPON YANG AMAT MENGGALAKKAN. BAGI TAHUN 2011, MOSTI TELAH MELANCARKAN PROGRAM PENGGALAKAN SAINS DAN MATEMATIK 2011 DANINI AKAN DISUSULI DENGAN PELANCARAN TAHUN SAINS 2012.

10. USAHA-USAHAINI TIDAK TERHENTI DENGAN PENGANJURAN-PENGANJURAN PROGRAMINI SAHAJA. MOSTI MEMAINKAN PERANAN PENTING DEMI MEMASTIKAN MASYARAKAT SEKELILING MEMPUNYAI LEBIH PENGETAHUAN MENGENAI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI.

11. SEBAGAI PERMULAAN, PROGRAM-PROGRAM PENDIDIKAN SERTA TURUN PADANG ATAUPUN “*OUT REACH*” TELAH DIPERKEMAS DAN DIPERTINGKATKAN LAGI. PROGRAM-PROGRAM PENDIDIKAN KEPADA MASYARAKATINI JUGA ADALAH SELARAS DENGAN GAGASAN 1MALAYSIA YANG MEMBERI LEBIH KEUTAMAAN KEPADA KESEJAHTERAAN RAKYAT.

HADIRIN SEKALIAN,

12. PENGANJURAN MYSTI 2011 ADALAH MEDAN YANG SESUAI UNTUK MEMPERKENALKAN TEKNOLOGI-TEKNOLOGI YANG TERKINI SERTA HASIL INOVASI YANG ADA DI MALAYSIA. ADALAH DIHARAPKAN JUGA AGAR MYSTI 2011 MAMPU MENINGKATKAN MINAT SERTA KEYAKINAN MASYARAKAT SERTA PIHAK INDUSTRI TERHADAP KELEBIHAN DAN KEISTIMEWAAN TEKNOLOGI NEGARA.

13. MYSTI 2011 MENGHIMPUNKAN PELBAGAI ENTITI DI DALAM SEKTOR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI YANG TERDIRI DARIPADA PIHAK INDUSTRI, AKADEMIK SERTA AGENSI-AGENSI MOSTI YANG BERSEDIA UNTUK BERKONGSI MAKLUMAT MENGENAI TEKNOLOGI-TEKNOLOGI YANG TELAH MEREKA HASILKAN.

14. TEKNOLOGI-TEKNOLOGI YANG DIPAMERKAN JUGA TELAH PUN DIGUNAKAN OLEH INDUSTRI KETIKAINI SERTA TELAH MEMPUNYAI REKOD KEJAYAAN PENGGUNAANNYA.

15. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, MYSTI 2011 DILIHAT BERPERANAN SEBAGAI PUSAT SEHENTI (ONE STOP CENTRE) UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA PENGUNJUNG MENINGKATKAN KEFAHAMAN DAN PENGETAHUAN MEREKA DI DALAM BIDANG SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SERTA MENDEDAKHAN MEREKA KEPADA TEKNOLOGI-TEKNOLOGI TERKINI YANG TELAH SEDIA ADA UNTUK DIAPLIKASIKAN.

16. DI SAMPING ITU, IANYA JUGA ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENGGALAKKAN DAN MENCETUSKAN MINAT MEREKA YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DENGAN SEKTOR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI AGAR DAPAT MENGHASILKAN CIPTAAN YANG BOLEH DIKOMERSIALKAN, MENJANA PENDAPATAN DAN SETERUSNYA MENYUMBANG KEPADA EKONOMI NEGARA.

17. SELAIN DARIPADA ITU, KITA JUGA BERHARAP AGAR PROGRAM INI DAPAT BERPERANAN SEBAGAI PLATFORM SERTA MEMBUKA RUANG DAN PELUANG KEPADA HASIL KEMAJUAN TEKNOLOGI NEGARA UNTUK DIKETENGAHKAN DAN DIJAYAKAN KE PERINGKAT ANTARABANGSA.

HADIRIN SEKALIAN,

18. PROGRAM MYSTI 2011INI TURUT DILAKSANAKAN SECARA SERENTAK DENGAN *DIGITAL LIFESTYLE EXPO* ATAUPUN DLE YANG DIANJURKAN SEKALI LAGI OLEH PIKOM PADA TAHUN INI, HASIL DARI KEJAYAAN PENGANJURAN PERTAMA PADA TAHUN LEPAS.

19. PIKOM TELAH MENSASARKAN UNTUK MENJADIKAN DLE SEBAGAI EKSPO BARANGAN ELEKTRONIK PENGGUNA BERTARAF DUNIA DENGAN MENYEDIAKAN SATU PLATFORM UNTUK PENYEDIA PERKHIDMATAN TEMPATAN DAN PENGGUNA BERKONGSI MAKLUMAT SERTA MEMPELAJARI TEKNIK-TEKNIK TERKINI DI DALAM INDUSTRI INI.
20. PADA TAHUN INI, PIKOM TELAH MENYEDIAKAN ENAM SEGMENT IAITU PAVILION 3C UNTUK BARANGAN ELEKTRONIK, KOMUNIKASI DAN KOMPUTER; SEGMENT 3D/LED UNTUK AUDIO VIDEO DAN PERALATAN HIBURAN RUMAH; SEGMENT DCIM UNTUK KAMERA DIGITAL, PENGIMEJAN DAN MEDIA; SEGMENT PERALATAN ICT DAN MULTIMEDIA, SEGMENT PERMAINAN ELEKTRONIK DAN JUGA SEGMENT PERALATAN MUDAH ALIH SERTA JALUR LEBAR.
21. JUSTERU ITU, SAYA BERHARAP AGAR KEDUA-DUA EKSPO YANG BERLANGSUNG SERENTAK INI AKAN MEMBERIKAN NILAI TAMBAH BUKAN SAHAJA KEPADA PENGANJUR, PESERTA PAMERAN MALAH YANG LEBIH PENTING KEPADA PENGUNJUNG.
22. AKHIR KATA, SEKALUNG TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA JAWATANKUASA PENGANJUR YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS UNTUK MENJAYAKAN MYSTI 2011. SAYA PASTI, ANDA SEMUA TELAH MELETAKKAN SEPENUH USAHA DAN TENAGA UNTUK MEMASTIKAN KELANCARAN PROGRAM INI.

**23. UCAPAN TERIMA KASIH JUGA KEPADA SEMUA YANG TELAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN PENGANJURAN MYSTI 2011. SEMOGA SEGALA INISIATIF DAN USAHA YANG KITA LAKSANAKANINI AKAN DAPAT MENCAPAI MATLAMAT PENGANJURAN PROGRAM DAN MEMBERI MANFAAT KEPADA SEMUA.**

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**